UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

Buletin IQRA'

2026

Bil. 1/2026 - Januari • eISSN: 2735-1920

Pameran 7 Dekad UiTM: Merakam Sejarah, Menginspirasikan Masa Depan

Sempena Amanat Naib Canselor UiTM 2026, Universiti Teknologi MARA mempersembahkan Pameran 7 Dekad UiTM, satu pameran berimpak tinggi anjuran Bahagian Arkib Universiti, Jabatan Perpustakaan UiTM Shah Alam yang mengangkat perjalanan luar biasa institusi keramat ini sejak penubuhannya pada tahun 1956.

Pameran ini bukan sekadar paparan nostalgia, sebaliknya sebuah naratif visual yang hidup merakam evolusi UiTM daripada Dewan Latihan RIDA, Maktab MARA, Institut Teknologi MARA hingga menjadi universiti awam terbesar negara. Melalui dokumen arkib bernilai tinggi, foto bersejarah, artifak institusi dan kronologi pencapaian, pengunjung dibawa menelusuri tujuh dekad perjuangan, transformasi dan kecemerlangan UiTM.

Bahagian Arkib Universiti, Jabatan Perpustakaan memainkan peranan strategik sebagai penjaga memori institusi dan pemakna sejarah. Arkib bukan sekadar menyimpan rekod, malah menterjemah warisan kepada kefahaman, menyusun bukti kepada naratif, serta memastikan legasi universiti terus relevan untuk generasi mendatang. Pameran ini membuktikan bahawa arkib ialah teras pembinaan jati diri universiti, menyokong aspirasi UiTM 2030 yang berteraskan ilmu, adab dan nilai.

Selari dengan amanat Naib Canselor, Pameran 7 Dekad UiTM menjadi simbol bahawa masa depan yang berwibawa lahir daripada sejarah yang difahami dan di situlah Arkib UiTM berdiri teguh sebagai penghubung antara memori silam dan visi masa hadapan universiti.

SUARA KEPIMPINAN UITM: PERUTUSAN PENDAFTAR DIRAKAM MELALUI INISIATIF AUDIO SIAR PTAR

30 Januari 2026 | Shah Alam — Program Rakaman Audio Siar Perutusan Pendaftar kepada Persatuan Pegawai Eksekutif UiTM telah berjaya dilaksanakan hasil jaringan kerjasama strategik antara Persatuan Pegawai Eksekutif Universiti Teknologi MARA dan Perpustakaan Tun Abdul Razak. Rakaman berlangsung di Ruang Media PTAR UiTM Shah Alam, sebagai inisiatif memperkukuh komunikasi, perkongsian maklumat dan pembudayaan ilmu dalam kalangan pegawai eksekutif universiti.

Rakaman ini menampilkan Tuan Haji Muhamad Nizam bin Noordin, Pendaftar UiTM, sebagai panel jemputan yang menyampaikan perutusan berfokus hala tuju, tadbir urus dan pengukuhan profesionalisme warga UiTM. Kehadiran beliau telah disantuni oleh Ts. Haji Azizi bin Haji Jantan, Ketua Pustakawan UiTM, sebagai simbol sokongan kepimpinan perpustakaan terhadap inisiatif ilmu berimpak tinggi.

Inisiatif audio siar ini mencerminkan peranan PTAR sebagai pemudah cara kandungan strategik universiti, memanfaatkan kemudahan media dan kepakaran pengurusan ilmu bagi memastikan mesej kepimpinan dapat diakses secara lebih meluas, fleksibel dan berimpak.



@libraryuitm

@libraryuitm

@perpustakaanuitm

@uitmlibrary

@perpustakaanuitm

Hubungi kami:

03 5521 1704

korporatptar@uitm.edu.my

Unit Korporat dan Kolaborasi,
Perpustakaan Tun Abdul Razak,
Univesiti Teknologi MARA,
40450, Shah Alam